

Anwar minta Pemuda bantu bela orang Melayu

JELEBU, Ahad — Anggota Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno digesa membantu usaha pucuk pimpinan parti untuk membela nasib orang-orang Melayu.

Untuk mencapai hasrat itu mereka perlu menghadapi berbagai rintangan dan cabaran supaya perubahan-perubahan yang dikehendaki oleh pucuk pimpinan akan tercapai, kata Ketua Pergerakan Pemuda Umno Melayu, Encik Anwar Ibrahim, di sini hari ini.

Beliau berucap merasmikan mesyuarat perwakilan Pemuda dan Wanita Umno bahagian Jelevu.

Katanya masyarakat Melayu di luar bandar masih memerlukan pembelaan dan perhatian yang lebih.

Katanya Pergerakan Pemuda dan wanita Umno patut berusaha lebih giat ke arah menjamah masa depan orang Melayu.

Usaha itu tidak akan tercapai sekiranya pemimpin dan jentera pentadbiran Kerajaan tidak turut sama membetulkan kelemahan-kelemahan yang masih ada pada masyarakat di luar bandar, tambahnya.

Bantu

Beliau meminta para pemimpin Umno yang lama turut membantu Pergerakan Pemuda dan Wanita mencapai matlamat itu.

Encik Anwar, yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berkata tidak ada faedahnya Kerajaan menurahkan berjuta-juta ringgit untuk pembangunan sekiranya masyarakat Melayu di luar bandar masih belum mahu mengubah sikap.

Katanya usaha mengukuhkan ekonomi orang-orang Melayu harus diperhebatkan dari masa ke masa kerana melalui ekonomi sahaja maka perjuangan politik Umno akan terus berjaya.

Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Rais Yatim, selaku ketua Umno bahagian Jelevu berharap Pergerakan Pemuda dan Wanita mewujudkan persefahaman dan muafakat di samping mengelakkan sebarang perselisihan demi menjamin kekukuhan parti. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia